Tatacara Permohonan Jawatan Kosong Bagi
Policy and Planning Specialist & Publication and Multimedia Specialist

Sukacita memaklumkan bahawa pihak Sekretariat SEAMEO bagi *Policy and Planning Specialist & Publication and Multimedia Specialist* di Sekretariat SEAMEO

Sehubungan itu, Jawatan bagi *Policy and Planning Specialist* dibukakan kepada individu yang mempunyai latar belakang yang kuat dalam perancangan, pembangunan dan pelaksanaan projek, program, bengkel dan aktiviti-aktiviti. Manakala, jawatan bagi *Publication and Multimedia Specialist* pula memerlukan calon yang berkepakaran dan berpengalaman dalam bidang penghasilan publikasi dan multimedia termasuk *artwork* dan desain grafik.

Bagi mana-mana pegawai yang berjaya dipilih untuk mengisikan jawatan berkenaan perlulah menamatkan perkhidmatan dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atau memohonkan cuti tidak bergaji selama tempoh berkhidmat di Sekretariat SEAMEO. Walau bagaimanapun, kebenaran mengenainya adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang berkaitan dengannya.

Maklumat lanjut mengenainya bolehlah diperolehi di dalam dokumen-dokumen yang dilampirkan:

1. Keistimewaan Kakitangan Profesional di Sekretariat SEAMEO;
2. Maklumat lanjut mengenai kedua-dua Jawatan tersebut;
3. Petikan daripada Undang-Undang dan Peraturan Kakitangan Sekretariat SEAMEO; dan
4. Borang permohonan

Calon-calon yang berminat bolehlah menghantar borang permohonan serta dokumen-dokumen yang lengkap ke alamat berikut selewat-lewatnya hari Sabtu, 20 September 2025:

Bahagian Perhubungan Antarabangsa
Tingkat 2, Blok A,
Bangunan Lama Kementerian Pendidikan
Jalan Airport Lama, Berakas Negara Brunei Darussalam